

DATE: 25/08/2007

# Jepun dipelawa teroka peluang di WPI, NCER

BH- 25/8/2007

## Malaysia akan terus sokong hubungan dagangan dua hala: PM

Oleh Norfatimah Ahmad

**K**UALA LUMPUR: Malaysia mengajak Jepun meneroka peluang perniagaan lebih luas di beberapa kawasan pertumbuhan baru seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang membuat pelawaan itu mahu Jepun memberi perhatian kepada landasan baru yang disediakan Malaysia dalam inisiatif pembangunan dirangka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Abdullah berkata, berdasarkan sejarah hubungan kedua-dua negara, beliau yakin dengan masa depan dan peluang terbentang luas dalam usaha sama perniagaan Malaysia dan Jepun.

"Malaysia membuka peluang perniagaan baru dengan melancarkan dua inisiatif pembangunan membatik wilayah Selatan dan Utara, dan saya ingin sekali menarik perhatian anda kepada kedua-dua wilayah pembangunan ini.

"Malaysia sentiasa mengalu-alukan pembabitkan komuniti perniagaan Jepun dalam pembangunan ekonomi negara ini kerana yakin Jepun mampu membantu Malaysia menca-

pai sasaran negara maju menjelang 2020 dan bersama-sama memanfaatkan pertumbuhan dan kemakmuran yang dicapai," katanya ketika berucap pada Forum Perniagaan Malaysia-Jepun di sini, semalam.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri turut menyatakan rasa gembiranya dengan hubungan diplomatik Malaysia-Jepun yang sudah mencecah 50 tahun dengan pelbagai pencapaian dalam kegiatan perdagangan, pelaburan, kewangan, bantuan teknikal, pembangunan sumber manusia dan kerjasama pertahanan.

Turut hadir, Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe; Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida), Datuk R Karunakaran; Pengerusi dan Ketua Eksekutif Perbadanan Perdagangan Luar Jepun (Jetro), Yasuo Hayashi; Presiden Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (Jameca), Mikio Sasaki dan ketua delegasi perniagaan Jepun, Fujio Mitarai.

Abdullah berkata, komuniti perniagaan Jepun seharusnya melihat Malaysia yang mencapai pertumbuhan ekonomi 5.9 peratus tahun lalu sebagai rakan kongsi perniagaan berdaya maju terutama dalam kerangka kerjasama Asean.

"Kumpulan serantau ini dengan penduduk lebih 567 juta dan gabu-

ngan Keluaran Dalam Negara Kasar sekitar AS\$1.1 trilion (RM3.74 trilion) adalah satu pasaran besar. Malah, Malaysia juga boleh menjadi landasan untuk Jepun menguasai pasaran Asean," katanya.

Beliau berkata, Malaysia akan terus menyokong hubungan perdagangan dua hala ditandatangani kedua negara menerusi Perjanjian Kerjasama Ekonomi (EPA) Malaysia-Jepun tahun lalu.

"Untuk pengetahuan delegasi perniagaan Jepun, kebanyakan komuniti perniagaan Jepun di negara ini berjaya mencapai tahap memuaskan. Malah, wujud peningkatan syarikat Jepun yang beralih daripada operasi pengeluaran asasnya kepada kegiatan nilai tambah seperti penyelidikan

kan dan pembangunan, reka bentuk produk, pemasaran, pengedaran dan logistik," katanya.

Perdana Menteri berkata, penyeritaan Jepun dalam sektor pembuatan di negara ini kini bernilai AS\$10.5 bilion (RM35.7 bilion) membatik 2,155 projek dan Jepun juga adalah pelabur terbesar Malaysia tahun lalu menerusi 81 projek membatik AS\$1.2 bilion (RM4.08 bilion).

"Ketika ini, ada 1,442 syarikat mempunyai kepentingan Jepun beroperasi dalam sektor pembuatan dan bukan pembuatan di negara ini," katanya.

Abdullah berkata, hubungan perdagangan dua hala Malaysia dan Jepun meningkat 15.3 peratus antara 1997 dan 2006, daripada AS\$27.1 bilion (RM92.14 bilion) kepada AS\$31.3 bilion (RM106.42 bilion).

Sementara itu, Abe dalam ucapannya menyifatkan Malaysia sebagai rakan perdagangan dan pelaburan penting untuk Jepun dan yakin negara ini boleh menjadi landasan untuknya meneroka pasaran di India dan negara Islam di seluruh dunia.

"Perjanjian EPA ditandatangani tahun lalu menampakkan perkembangan positif untuk kedua-dua negara dan berharap ia akan terus memberi pulangan memberangsangkan," katanya.

FAKTA NOMBOR

Projek Jepun di Malaysia

**2,155**

Sektor pembuatan

**81**

Projek pada tahun lalu